

WANITA WARGA INDIA GHAIB

HILANG JATUH LUBANG JERLUS

**Oleh Mohd Haris Fadli
Mohd Fadzil**

harisfadli@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Malang menimpa seorang wanita warga India berusia 48 tahun apabila dia terjatuh ke dalam lubang jerlus yang terbentuk mendadak berhampiran Masjid India di sini.

Dalam kejadian jam 8.20 pagi semalam, mangsa masih gagal ditemui pasukan penyelamat sehingga jam 3 petang semalam.

Pusat Gerakan Operasi
Bomba Kuala Lumpur

(PGOKL) memaklumkan kedalaman lubang benam itu dianggarkan sedalam lapan meter.

Menurut kenyataan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian berkenaan pada jam 8.22 pagi semalam.

“Seramai 15 anggota pasukan operasi daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Titiwangsa dan bantuan daripada Hang Tuah dikerahkan ke lokasi kejadian,” katanya.

PGOKL berkata, Komander Operasi, Mohd Riduan Akhyar mengesahkan terdapat seor-

ang mangsa wanita terjatuh ke dalam lubang ada tertimbus di bawah tanah.

Pasukan Khas Taktikal Operasi Penyelamat Malaysia (STORM) dan Unit Pengesan (K9) turut dikerah ke lokasi kejadian.

Pada masa sama, pasukan penyelamat terpaksa menggunakan jentera kren Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam usaha mencari mangsa.

Ini berikutan sebuah kerusi konkrit yang berada di lokasi berkenaan turut terjatuh ke dalam tanah jerlus itu dan dipercayai menghempap mangsa.

Tinjauan mendapati kren DBKL tiba di lokasi iaitu di hadapan Malayan Mansion bagi memudahkan usaha pencarian kira-kira 11.40 pagi semalam.

Seorang anggota bomba dan seorang kakitangan DBKL diturunkan ke dalam lubang itu menggunakan kren berkenaan bagi usaha mencari mangsa.

Turut kelihatan beberapa individu dipercayai ahli keluarga mangsa menunggu mangsa dikeluarkan.

Urusan harian di sekitar kawasan itu berjalan seperti biasa dan hanya dua premis berhampiran ditutup sementara waktu, susulan kejadian.